

Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Integrated Model of Infusing 21st Century Skills in Teaching and Learning

ROHANI ARBAA*, HAZRI JAMIL & MOHAMMAD ZOHIR AHMAD

ABSTRAK

Makalah ini mengemukakan Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 yang telah dibangunkan hasil kajian kes melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap empat orang guru yang melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar. Analisis tematik secara deduktif dan induktif dilakukan terhadap data yang diperolehi bagi mengenalpasti tema-tema penting berkaitan teknik pengajaran yang digunakan guru untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 semasa PdP dijalankan. Tema-tema ini kemudiannya dibentang dan dipersetujui di dalam sesi 'debriefing' yang dihadiri empat orang pengkaji yang lain. Dapatan kajian menunjukkan elemen utama yang menentukan kejayaan penerapan kemahiran abad ke-21 ini adalah kearifan profesional guru. Kearifan profesional guru merupakan integrasi pengetahuan praktikal guru dalam melaksanakan aktiviti PdP dengan pengetahuan konteks di mana mereka berada, yang diperhalusi melalui amalan refleksi yang berterusan. Bersandarkan kearifan profesional yang dimiliki, penerapan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar dapat dilakukan apabila guru dapat mengintegrasikan kaedah pengajaran yang merangkumi pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan teknik motivasi yang bersesuaian. Pembelajaran koperatif akan menjadi lebih berjaya apabila guru turut mengamalkan ciri bilik darjah demokratik yang menekankan konsep kesamaan peluang, kebebasan bersuara serta perkongsian kuasa antara guru dan pelajar. Aktiviti PdP sebegini akan mampu meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar di dalam bilik darjah dan sekaligus membina kemahiran yang diperlukan bagi mendepani cabaran abad ke-21.

Kata kunci: Kemahiran abad ke-21; kearifan profesional guru; pembelajaran koperatif; bilik darjah demokratik; motivasi

ABSTRACT

This article proposes an Integrated Model of Infusing 21st Century Skills that has been developed from a case study that was carried out on four teachers who implement student-centered approach in their teaching and learning (T&L) sessions. Observations and interviews were conducted on all the study participants and some related documents were also analyzed. Deductive and inductive thematic analysis were conducted on data gathered in identifying the key themes relating the T&L methods used by teachers to adopt 21st century skills. These themes were then presented in the debriefing session with another four researchers who gave their opinions and views. The findings show that the main element that determine the success of the implementation of 21st century skills is the teacher's professional knowledge. Teacher's professional knowledge is the integration of teacher's practical knowledge in teaching with the knowledge of context in which they are located, and this knowledge is refined through continuous reflection. Based on the knowledge that they have, the implementation of 21st century skills in students can be done when teachers can integrate the teaching methods that include cooperative learning, democratic classroom and motivation. Cooperative learning will be more successful if teachers also practise democratic classrooms that emphasize the concept of equal opportunity, freedom of speech and the sharing of power between teacher and student. Such T&L activities will increase student motivation and engagement in the classroom and hence build the necessary skills to face the challenges of the 21st century.

Keywords: 21st Century Skills; teacher's professional knowledge; cooperative learning; democratic classroom; motivation

PENGENALAN

Kemahiran abad ke-21 telah dikenal pasti sebagai kemahiran yang amat diperlukan dalam pasaran kerja global masa kini (Hwa 2005; Yussof et al. 2008; Rasul

et al. 2009; Wats & Wats 2009; Pukelis & Pileicikiene 2010; Tewari 2010). Menurut *Career Services Network*, Michigan State University (2010), segulung ijazah kini bukan lagi penentu bagi mendapatkan pekerjaan. Pekerja berpengetahuan (k-worker) hari ini perlu mempunyai set

kemahiran seperti kebolehan bekerja dalam persekitaran yang pelbagai, kemahiran komunikasi lisan dan tulisan, kemahiran berfikir secara kritikal, kepimpinan (individu dan kumpulan), menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, pengurusan masa, bekerja dalam kumpulan dan i-ciri peribadi termasuk etika kerja, fleksibiliti, berinisiatif dan motivasi. Semua kemahiran ini sangat perlu dibangunkan melalui sistem pendidikan negara.

Kajian-kajian di luar negara menunjukkan penerapan kemahiran abad ke-21 telah diberikan perhatian serius oleh institusi pengajian tinggi mereka bagi memenuhi keperluan pasaran kerja (Hager et al. 2002; Wats & Wats 2009; Pukelis & Pilecikiene 2010; Tewari 2010). Menurut ACT Inc (2011), organisasi perniagaan dan pemegang saham pada masa kini menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh pelajar universiti pada waktu ini tidak dapat memenuhi keperluan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja akibat perubahan dalam pasaran pekerjaan peringkat antarabangsa yang bukan sahaja memerlukan kemahiran teknikal bahkan juga kemahiran insaniah.

Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia juga menunjukkan keperluan mendesak terhadap pembinaan kemahiran abad ke-21 (Yussof et al. 2008; Rasul et al. 2009). Rasul et al. (2009) dalam kajian terhadap aspek kemahiran yang dikehendaki oleh majikan dalam industri pembuatan mendapati kemahiran asas, berfikir, sumber, interpersonal, sistem dan teknologi dan kualiti personal adalah kemahiran yang sangat diutamakan oleh majikan. Kajian Yussof et al. (2008) terhadap graduan UKM juga menyatakan pencapaian dalam akademik sahaja tidak boleh menjamin seseorang untuk mendapat pekerjaan. Banyak aspek lain yang dikehendaki oleh majikan antaranya sikap terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas termasuk teknologi maklumat dan bahasa, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri dan berpengetahuan am.

Menurut Hii (2007), kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang perlu diaplikasikan di dalam pelbagai situasi dan keadaan dan adalah lebih berkesan jika program pembangunannya dilaksanakan semenjak dari peringkat sekolah lagi. Oleh demikian, satu kajian telah dijalankan untuk melihat kaedah PdP yang diamalkan guru yang mampu menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kajian tersebut satu model bersepadu telah dibangunkan sebagai panduan kepada pendekatan yang boleh diamalkan guru di dalam bilik darjah mereka.

MODEL BERSEPADU PENERAPAN KEMAHIRAN ABAD 21

Fenstermacher (1994) dalam membicarakan pengetahuan guru telah membahagikannya kepada dua kategori iaitu pengetahuan formal dan pengetahuan praktikal. Menurut beliau pengetahuan formal merupakan pengetahuan yang lahir daripada kajian saintifik tentang pengajaran berkesan,

manakala pengetahuan praktikal merupakan pengetahuan yang dijana guru hasil daripada pengalaman dan refleksi mereka berinteraksi dengan pelajar dalam konteks bilik darjah. Pengetahuan praktikal juga merupakan antara sumber pengetahuan guru yang dinamakan sebagai kearifan yang dijana daripada amalan, hasil daripada pengalaman mereka dan refleksi yang dilakukan ke atas pengalaman tersebut (Chou 2008).

Pengetahuan yang diterima guru daripada pembelajaran formal hanya berperanan sebagai panduan asas kepada guru kerana ia tidak menceritakan tentang konteks di mana pengajaran dan pembelajaran berlaku. Oleh demikian, amat perlu bagi guru mengintegrasikan ilmu tersebut dengan kesesuaian setempat, dan melalui pengalaman serta amalan refleksi yang berterusan guru akan dapat membina kearifan profesional mereka yang dapat digunakan secara berkesan kepada para pelajar. Johnson (2006) menyatakan pengetahuan guru tentang konteks di mana dia berada akan membantu guru menyesuaikan pengetahuan pedagogi isi kandungannya agar pengajarannya dapat diterima oleh para pelajar. Menurut Canagarajah (2002), pengetahuan guru dan kearifan profesional mereka mempengaruhi setiap aspek amalan pengajaran guru. Ia mempengaruhi hubungan antara guru dan pelajar, interpretasi guru terhadap isi kandungan mata pelajaran dan kepentingannya dalam kehidupan pelajar, pengolahan guru terhadap idea, sama ada seperti apa yang telah dinyatakan dalam buku teks atau melalui aktiviti inkuiri dan refleksi.

Selari dengan paradigma konstruktivisme, pengetahuan guru bukanlah sesuatu yang bersifat statik tetapi ianya perlu dibina dan dibentuk dalam persekitaran konteksnya melalui pengalaman (Liu 2010). Schon (1983) menekankan perlunya amalan refleksi dalam kalangan guru. Schon (1983) seperti yang dilaporkan Guzman (2004) menyatakan refleksi berperanan sebagai langkah pembetulan yang membolehkan pembelajaran meta berlaku. Walker et al. (2009) menegaskan bahawa amalan refleksi ini memerlukan latihan dan bimbingan sewajarnya bagi mengelakkan ia berakhir sebagai satu amalan rutin bilik darjah dan tidak memberikan apa-apa kesan terhadap kearifan guru. Bagi memastikan amalan refleksi ini memberikan impak yang sepatutnya, adalah dicadangkan agar amalan ini dijadikan lebih terbuka kepada kritikan daripada rakan sekerja atau rakan kritikal (Walker et al. 2009).

Kearifan profesional guru menggambarkan himpunan kearifan yang diperolehi menerusi pengalaman dan kefahaman guru dan melalui kajian atau refleksi mereka terhadap amalan pengajaran mereka dengan mengambil kira faktor setempat di mana pengajaran itu berlaku. Kearifan profesional guru ini dapat diringkaskan seperti apa yang dinyatakan Gholami (2009) sebagai kemuliaan moral dan intelek yang berakar umbi dalam diri seorang insan untuk melakukan perkara yang betul di tempat yang betul pada masa yang betul dengan cara yang betul.

Model bersepadu seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 meletakkan kearifan profesional guru sebagai elemen utama menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar semasa proses PdP dalam bilik darjah (Arbaa 2015). Kearifan profesional guru merupakan integrasi pengetahuan praktikal guru dalam melaksanakan aktiviti PdP dengan pengetahuan konteks *insitu* dan diperhalusi melalui amalan refleksi yang berterusan. Kearifan yang dimiliki ini dapat membantu guru menilai dan memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 di dalam bilik darjah.

Berdasarkan Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, guru perlu mengintegrasikan tiga kaedah pengajaran yang merangkumi pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan motivasi, bersandarkan kearifan yang mereka miliki. Unit terkecil dalam model ini merupakan pembelajaran koperatif. Ia merupakan kaedah paling asas yang dilihat berjaya menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Aktiviti yang menggalakkan hubungan saling gantung yang positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, kemahiran sosial dan interpersonal serta pemprosesan kumpulan akan memberi peluang pelajar mengasah kemahiran mereka dengan saling menyokong untuk mencapai matlamat yang sama. Di samping itu pelajar juga dididik untuk menerima dan menghormati perbezaan antara ahli dalam kumpulan.


Pembelajaran koperatif akan menjadi lebih berjaya apabila guru turut mengamalkan ciri bilik darjah demokratik yang menekankan konsep kesamaan peluang, kebebasan bersuara serta perkongsian kuasa antara

guru dan pelajar. Guru yang mengamalkan ciri bilik darjah demokratik telah mengiktiraf kemampuan pelajar membina pengetahuan mereka dan menerima mereka sebagai sebahagian sumber pembelajaran seperti yang diperjuangkan dalam teori pembelajaran konstruktivis. Motivasi pelajar juga boleh ditingkatkan apabila guru berjaya menonjolkan bahan pengajaran yang menarik serta mencabar pelajar. Guru yang mampu menyesuaikan bahan pengajarannya dengan kehidupan sebenar pelajar akan merangsang penglibatan pelajar kerana ia memberi makna kepada kehidupan mereka.

Guru juga perlu memberi sokongan efektif kepada pelajar menerusi wacana motivasi menyokong yang boleh mengurangkan kebimbangan pelajar apabila berhadapan dengan kekecewaan atau kurang yakin semasa melakukan aktiviti PdP yang dirancang. Wacana guru yang menggambarkan kepercayaan mereka terhadap kebolehan pelajar khususnya di saat pelajar kurang yakin atau mengalami kegagalan memberikan motivasi yang besar kepada pelajar untuk terus mencuba. Ketiga-tiga aspek yang dinyatakan dalam model ini merupakan aspek-aspek utama dalam amalan pedagogi yang diperhatikan melalui kajian yang telah dijalankan terhadap guru-guru yang mempraktikkan pengajaran berpusatkan pelajar.

METODOLOGI

Satu kajian lapangan yang meneroka kaedah yang digunakan guru untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam bilik darjah berdasarkan kearifan profesional mereka telah dijalankan. Peserta kajian telah dipilih



RAJAH 1. Model bersepadu penerapan kemahiran abad 21 dalam pengajaran dan pembelajaran

berdasarkan teknik pensampelan berasaskan teori yang merujuk kepada pensampelan bertujuan (Miles & Huberman 1994; Patton 2002) yang menyatakan bahawa pengkaji mengenal pasti konstruk teori yang khusus dan memilih kes atas dasar potensi mereka untuk menjelaskan konstruk teori yang dipilih (Neergaard & Olhoi 2006). Kajian terdahulu menunjukkan kemahiran abad ke-21 hanya akan terbina apabila pelajar diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran tersebut, iaitu melalui pengajaran berpusatkan pelajar (Kember 2009; Balakrishnan 2002; Callan 2004; Rotherham & Willingham 2009; Pukelis & Pileicikiene 2010). Kenyataan ini juga selari dengan teori pembelajaran konstruktivis yang beranggapan pelajar mampu membina pengetahuan mereka sendiri melalui penglibatan aktif dalam proses PdP. Berdasarkan premis tersebut, peserta kajian dipilih daripada kalangan guru yang memenuhi ciri amalan pedagogi berpusatkan pelajar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes pelbagai yang melibatkan empat orang guru di tiga buah sekolah menengah harian biasa di utara Semenanjung Malaysia. Pemilihan peserta kajian telah dibuat berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan, iaitu pengkaji memilih individu yang dapat membantu pengkaji memahami fenomena yang sedang dikaji (Miles & Huberman 1994; Marshall & Rossman 2006; Creswell 2012). Peserta kajian yang dipilih ini merupakan mereka yang memenuhi kriteria guru yang melaksanakan pengajaran berpusatkan pelajar berdasarkan senarai semak yang telah disediakan dan guru-guru ini mengajar mata pelajaran yang berbeza. Empat orang peserta kajian ini (diberikan nama samaran) adalah terdiri daripada Puan Azim, Puan Emi, Puan Hani dan Puan Leha dan Jadual 1 menunjukkan profil mereka.

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemerhatian proses PdP di dalam bilik darjah telah dilakukan sebanyak lima kali bagi setiap peserta kajian dan di akhir pemerhatian satu perbincangan secara tidak formal dengan peserta kajian diadakan selama lima ke-10 minit. Temu bual separa struktur dilakukan sekali bersama peserta kajian yang berakhir dalam jangka masa satu jam setengah. Dokumen yang telah dikumpul daripada peserta kajian terdiri daripada catatan buku rekod serta latihan yang diberikan kepada pelajar. Analisis tematik dilakukan terhadap data yang diperolehi secara deduktif dan induktif bagi mengenalpasti tema-tema penting berkaitan kaedah

PdP yang digunakan guru untuk menerapkan kemahiran abad ke-21.

Dalam kajian kualitatif, proses analisis data perlu berjalan serentak dengan proses pengumpulan data demi untuk mengelakkan pengkaji daripada kehilangan maklumat penting kerana lambakan data yang tidak diurus segera (Awang Hamid et al. 005). Dalam kajian ini, proses analisis data berlaku sebaik sahaja selesai pemerhatian pertama dijalankan apabila transkripsi rakaman aktiviti PdP yang diperhatikan disediakan. Rakaman video dan transkrip yang disediakan telah dilihat dan dibaca berulang kali bagi memastikan pengkaji dapat melazimi data yang tersedia (Awang Hamid et al. 2005; Marshall & Rossman 2006). Setiap kali transkrip tersebut dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, gerak hati atau persoalan yang akan dianalisis lebih lanjut kemudiannya (Creswell 2012).

Proses pengkodan dan pembentukan tema bagi kajian ini dilakukan dengan menjadikan soalan kajian sebagai panduan (Miles & Huberman 1994). Berdasarkan sorotan kajian yang dibuat, satu senarai tema telah disediakan terlebih dahulu sebagai panduan dan dalam masa yang sama pengkaji bersedia untuk mewujudkan tema baharu yang dapat menjawab soalan kajian yang ditetapkan kerana pengkodan dan pembentukan tema bukanlah suatu data yang telah siap untuk dianalisis tetapi ianya muncul terus-menerus sepanjang proses pengumpulan data (Miles & Huberman 1994; Creswell 2012).

Sebagai contoh, berdasarkan sorotan kajian pengkaji telah bersedia dengan tiga kod utama, iaitu kemahiran komunikasi (KKOM), kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah (KBMM) dan kemahiran kerja berpasukan (KKB). Namun, menerusi pelaziman data yang dilakukan, pengkaji telah mewujudkan kod baharu yang menunjukkan amalan pedagogi guru yang menggalakkan penglibatan aktif pelajar dan kod AKTIF telah diberikan. Proses pengkodan dan seterusnya pembentukan tema ini menunjukkan gabungan pendekatan deduktif dan induktif yang digunakan bagi memastikan analisis data yang menyeluruh. Selepas pengkodan dilakukan, kod-kod ini dikumpulkan semula dan dinilai untuk digabungkan menjadi beberapa tema berdasarkan soalan kajian.

Tema yang telah dibentuk kemudiannya dibentangkan dalam sesi 'debriefing'. Menerusi sesi ini pengkaji telah membentangkan analisis yang telah dilakukan di hadapan dua orang rakan pengkaji yang lain berserta penyelia utama dan penyelia bersama. Debriefing merupakan

JADUAL 1. Profil peserta kajian

| Bil | Nama (Nama samaran) | Jantina | Umur | Bangsa | Pengalaman Mengajar | Mata pelajaran diajar |
|-----|------------------------|-----------|------|--------|------------------------|--------------------------|
| 1 | Azim | Perempuan | 38 | Melayu | 15 tahun | Bahasa Inggeris |
| 2 | Emi | Perempuan | 36 | Melayu | 12 tahun | Pendidikan Islam |
| 3 | Hani | Perempuan | 44 | Melayu | 20 tahun | Bahasa Melayu Sejarah |
| 4 | Leha | Perempuan | 35 | Melayu | 11 tahun | Perdagangan |

salah satu cara yang boleh digunakan bagi mengesahkan interpretasi yang telah dibuat dan untuk mengelakkan bias (Lincoln & Guba 1985; Shenton 2004; Burnard et al. 2008). Sesi ini sangat membantu pengkaji apabila rakan pengkaji memberikan maklum balas tentang kesesuaian tema, petikan yang digunakan untuk menyokong tema serta perkara lain yang berkaitan dengan analisis data kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai kaedah tertentu dalam melaksanakan aktiviti PdP yang bersesuaian dengan kemampuan dan kecenderungan pelajar mereka. Hal ini menunjukkan guru sebenarnya telah menggunakan kearifan mereka dalam melaksanakan aktiviti PdP kerana telah menyesuaikan pengetahuan praktikal mereka dengan pengetahuan konteks tentang pelajar dan latar tempat mereka berada. Beberapa tema atau subtema yang tidak diungkapkan oleh peserta kajian tetapi didapati hadir dalam amalan pedagogi mereka juga menunjukkan kaedah yang diamalkan mereka bersifat rutin dan kadangkala tanpa mereka sedari. Berdasarkan analisis yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa guru telah menerapkan kemahiran abad ke-21 melalui tiga pendekatan utama, iaitu pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan motivasi.

PEMBELAJARAN KOPERATIF

Kajian yang dijalankan ini mendapati semua peserta kajian telah mengaplikasikan gerak kerja berkumpulan. Aktiviti berkumpulan ini didapati menepati ciri-ciri pembelajaran koperatif iaitu hubungan saling gantung yang positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, kemahiran sosial dan inter personal dan pemprosesan kumpulan (Zakaria & Iksan 2007; Johnson & Johnson 2009). Sebagai contoh, apabila Puan Emi meminta pelajaranya mempersembahkan sketsa yang memperlihatkan hak persaudaraan dalam masyarakat, semua ahli kumpulan dilihat memegang peranan tertentu di dalam persembahan tersebut termasuklah antaranya pelajar membacakan sajak sebelum mempersembahkan sketsa. Saling bergantung secara positif untuk mempersembahkan sketsa ini telah melibatkan pelajar dalam interaksi bersemuka dan setiap ahli diberi tanggungjawab untuk memastikan kejayaan kumpulan masing-masing. Pembelajaran koperatif sebegini telah berjaya menggalakkan kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah dan kerja berkumpulan dalam kalangan pelajar seperti dapatan yang ditunjukkan Ali et al. (2007).

Aktiviti kerja berkumpulan yang diamalkan guru juga telah menyuntik kemahiran sosial dan inter personal dalam kalangan pelajar apabila mereka diberi peluang berkomunikasi dan mampu mengatasi perbezaan (Zakaria & Iksan 2007; Johnson & Johnson

2009). Kemampuan pelajar untuk saling bertolak ansur serta bersedia memberi dan menerima pandangan akan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Kaedah ini juga dilihat memenuhi teori pembelajaran konstruktivis yang menggalakkan pembinaan makna dalam kalangan pelajar menerusi interaksi sosial (Schunk 2008; Cooperstein & Kocevar-Weidinger 2004). Aktiviti berkumpulan yang memenuhi konsep pembelajaran koperatif menepati pandangan Vygotsky tentang *Zone of Proximal Development (ZPD)*, iaitu pelajar mampu mencapai aras pertumbuhan yang berpotensi untuk dibangunkan melalui kolaborasi dengan rakan sebaya mereka yang lebih berkebolehan (Hammond et al. 2001; Schunk 2008). Antaranya seperti aktiviti perdebatan di dalam kelas peserta kajian memperlihatkan kebolehan pelajar (kumpulan pencadang) memahami konsep keadilan dalam poligami walaupun tajuk tersebut belum diterangkan oleh guru mereka. Atas kefahaman yang mereka peroleh menerusi perbincangan dengan rakan sepasukan, membolehkan mereka menyampaikan hujah dan idea dengan lebih baik.

BILIK DARJAH DEMOKRATIK

Hasil kajian mendapati antara kaedah yang digunakan guru untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar merupakan kaedah yang menepati ciri-ciri yang dinyatakan di dalam bilik darjah demokratik. Walaupun tiada peserta kajian yang menyatakan istilah bilik darjah demokratik ini, namun analisis data yang dilakukan mendapati guru-guru ini mengamalkan konsep kesamaan peluang, kebebasan bersuara dan perkongsian kuasa di dalam proses PdP mereka yang menepati ciri bilik darjah demokratik seperti yang dinyatakan Kesici (2008), MacMath (2008), Davis (2010), Basu dan Barton (2010).

Bebas Bersuara

Antara ciri bilik darjah demokratik yang paling menonjol yang digunakan guru untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 ini adalah memberikan hak kebebasan bersuara kepada para pelajar. Pemerhatian yang dijalankan menunjukkan peserta kajian menggalakkan interaksi yang memberangsangkan antara pelajar seperti soal jawab selepas setiap aktiviti pembentangan atau kuiz melalui soalan yang disediakan oleh pelajar untuk rakan mereka menjawabnya. Kajian ini dengan jelas menunjukkan guru memberi ruang serta memberikan galakan yang besar kepada pelajar untuk menyuarakan soalan, pandangan dan pendapat mereka seperti yang dicadangkan Kesici (2008). Para guru telah mewujudkan persekitaran yang membuatkan pelajar berasa selesa untuk berkongsi idea, inovasi atau makna peribadi (Rajendran 2002).

Kebebasan pelajar bersuara juga bukan sekadar memberi ruang pelajar mengajukan soalan tetapi juga peluang untuk pelajar mengkritik dan mempertahankan hujah mereka. Galakan yang diberikan guru agar pelajar

berani menyatakan pendapat walaupun bertentangan dengan yang dinyatakan rakan mereka, atau dengan menyediakan aktiviti perdebatan, atau melalui peluang soal jawab yang luas yang diberikan guru, telah dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk berhujah dan mengkritik yang merupakan hasil daripada aktiviti berfikir yang mereka lakukan. Kelly (2002) menyatakan perlunya pelajar menerima pandangan orang lain dengan rasa hormat dan mengingatkan pelajar bahawa kadangkala penemuan agung sesuatu teori, khususnya dalam bidang Sains adalah daripada satu kesilapan.

Berdasarkan kearifan peserta kajian, mereka telah meminta pembentang mengajukan soal kepada audien sebagai langkah provokasi. Provokasi daripada rakan pelajar dilihat amat berkesan untuk menggalakkan penglibatan aktif pelajar lain. Menurut peserta kajian, pelajar akan berasa lebih teruja untuk menjawab persoalan daripada rakan mereka berbanding soal daripada guru kerana rasa tercabar. Hal ini juga akan seterusnya menyebabkan audien bersemangat untuk bertanyakan soal kepada rakan pembentang mereka sebagai tindak balas atas soal yang mereka ajukan atau sekadar menguji kebolehan rakan mereka. Guru menyedari pengaruh besar rakan sebaya berbanding guru dalam diri pelajarannya dan mereka menggunakan pengetahuan tersebut bagi mempengaruhi tingkah laku positif dalam kalangan pelajarannya. Menurut Mohd Majzub dan Mohd. Nor (2001), remaja dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam tingkahlaku, sikap dan persepsi terhadap persekitaran mereka. Kajian Johnson (2000) menyatakan bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh terhadap perkembangan sosial dan akademik anak-anak dan ianya dapat dikesan seawal persekolahan formalnya bermula.

Berdasarkan kearifan yang dimiliki, peserta kajian memasukkan elemen pertandingan bagi menjadikan perjalanan aktiviti lebih menyeronokkan dan ini dilihat telah dapat menggalakkan interaksi yang lebih baik antara para pelajar. Menurut Lesser et al. (2013), apabila pelajar terlibat dalam aktiviti yang menyeronokkan, ia akan mengurangkan kebimbangan pelajar terhadap kesalahan dan menjadikan mereka berani untuk mencuba dan melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Hal ini dapat diperhatikan dalam aktiviti kuiz yang dijalankan Puan Azim dan Puan Leha yang memperlihatkan keterujaan pelajar untuk menjawab soal rakan mereka dan tidak bimbang andai jawapan yang diberikan tidak tepat. Situasi sebegini berjaya menerapkan kemahiran berfikir dan berkomunikasi dalam diri pelajar tanpa mereka sedari.

Sementara itu, guru turut memainkan peranan bagi menggalakkan pelajar menyatakan pandangan dan pendapat melalui soal yang mereka sendiri ajukan kepada pelajar. Interaksi guru-pelajar ini biasanya didorong oleh soal terbuka. Tofade et al. (2013) serta Critelli dan Tritapoe (2010) menyatakan soal-soal terbuka mampu menggalakkan pelajar menaakul dan menggunakan pengetahuan sedia ada mereka dan ia harus

kerap diberikan kepada pelajar. Soal yang diajukan guru ini kemudiannya diikuti dengan *probing*, iaitu soalan-soalan susulan bertujuan untuk mencungkil lagi huraian daripada pelajar. Critelli dan Tritapoe (2010) menyatakan *probing* merupakan antara teknik yang berkesan untuk mengembangkan fikiran pelajar dan menggalakkan respon yang berterusan daripada mereka.

Kaedah yang digunakan guru berdasarkan kearifan mereka untuk menggalakkan interaksi antara pelajar atau interaksi guru-pelajar telah memberi ruang yang luas kepada pelajar untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka. Peluang sebegini sebenarnya telah berjaya membuka minda pelajar serta memberi keyakinan kepada mereka untuk sering menyuarakan pandangan dan pendapat dan bersedia menerima pandangan orang lain, yang akhirnya menambah nilai kepada kemahiran abad ke-21 mereka.

Kesamaan Peluang

Memberikan peluang yang sama kepada semua pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti PdP merupakan perkara yang ditekankan sama ada dalam teori pembelajaran konstruktivis mahupun bilik darjah demokratik. Rost (2006) menegaskan penting untuk guru memastikan setiap pelajar mempunyai tujuan atau peranan tertentu dalam setiap aktiviti dan perhatian yang lebih perlu diberikan kepada pelajar yang pemalu atau lemah bagi memastikan mereka terlibat di dalam aktiviti PdP yang dijalankan. Puan Azim yang menyedari ada dalam kalangan pelajarannya yang kurang mahir berbahasa Inggeris telah membenarkan penggunaan bahasa Melayu yang minimum bagi menggalakkan pelajar yang berkenaan melibatkan diri dalam aktiviti PdP. Kaedah yang beliau gunakan adalah sama seperti '*code-switching*' yang digunakan Mr Qi dalam kajian Lim et al. (2005), telah mengurangkan sedikit kebimbangan pelajar untuk sama-sama melibatkan diri dalam perbincangan yang dijalankan.

Begitu juga yang dilakukan Puan Emi yang menyedari sebahagian daripada pelajar tingkatan satu masih belum dapat membaca dengan lancar dan melalui pengalamannya beliau dapati kaedah terbaik membantu pelajar untuk cepat faham adalah dengan menggunakan gambar. Berdasarkan kearifan ini, Puan Emi telah menyesuaikan aktiviti PdP bagi memenuhi kemampuan kedua-dua kelompok pelajar lemah dan pelajar sederhana dengan memberikan gambar kepada pelajar lemah dan soal-soal yang mencabar untuk pelajar yang lebih bijak. Kaedah yang digunakan guru dilihat amat bersesuaian dengan pencapaian akademik pelajar dan guru telah berjaya menggalakkan penglibatan aktif semua pelajarannya dalam aktiviti PdP seperti yang disarankan Kesici (2008) dan Davis (2010).

Selain itu guru juga dengan segera mengubah kaedah pengajaran mereka apabila mendapati pendekatan awal yang dirancang (seperti pembentangan tugas) tidak berjaya melibatkan semua pelajar. Berdasarkan

pengalaman yang dimiliki, guru kemudiannya menukar kaedah pengajaran kepada kaedah yang dapat melibatkan penglibatan semua pelajar tanpa mengira kemampuan kognitif mereka seperti persembahan sketsa atau main peranan. Hal ini mengesahkan kenyataan MacMath (2008) bahawa penting bagi guru memupuk daya kreativiti bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka bagi memastikan semua pelajar dapat melibatkan diri mereka dalam aktiviti PdP yang dijalankan. Apabila semua pelajar dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP bermakna semua pelajar berpeluang mengasah kemahiran mereka.

Perkongsian Kuasa

Perkongsian kuasa antara guru dan pelajar bermaksud guru memberikan autonomi kepada pelajar untuk membuat keputusan khususnya berkaitan perjalanan proses PdP di dalam bilik darjah. Kajian ini mendapati guru telah memberikan autonomi kepada pelajar dalam beberapa aktiviti seperti yang dicadangkan Kesici (2008), Price (2008) dan MacMath (2008) antaranya membuat keputusan tentang topik yang akan dibincangkan, cara tugas akan dilaksanakan, individu yang perlu menjawab soalan dan jawapan yang layak diberikan markah. Sebagai contoh aktiviti kuiz yang dijalankan Puan Leha di saat pelajar sedang sibuk membuat persiapan akhir menjelang peperiksaan memperlihatkan kearifan beliau yang cuba mengurangkan tekanan pelajar melalui aktiviti mengandungi elemen pertandingan di samping pelajar tetap membuat persediaan untuk peperiksaan tersebut. Aktiviti ini turut membantu pelajar mengasah kemahiran mereka kerana pelajar perlu berbincang, berfikir dan mengemukakan soalan atau menjawab soalan secara berhemah.

Guru yang berkongsi kuasa dengan pelajar telah mendidik pelajar untuk menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajarannya dan pelajar akan lebih melibatkan diri dalam tugas yang diberikan. Memberikan autonomi kepada pelajar dalam aktiviti PdP akan dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar kerana menurut William dan William (2011) seseorang akan lebih bermotivasi untuk melakukan sesuatu atas pilihan sendiri berbanding disuruh melakukan sesuatu yang bukan pilihan mereka. Hal ini mengesahkan pemerhatian yang dilakukan dalam kelas Puan Azim apabila pelajar dapat memberikan hujah-hujah untuk menyokong tajuk perdebatan yang mereka sendiri kemukakan.

Dalam aktiviti PdP tersebut, Puan Azim boleh menjalankan tugas lebih mudah dengan memberikan sendiri tajuk perdebatan kepada pelajar dan meminta pelajar memikirkan hujah-hujah untuk menyokong atau menentang tajuk yang diberikan. Namun autonomi yang beliau berikan kepada pelajarnya telah memberikan motivasi kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam proses PdP. Beliau juga memahami kebolehan

Bahasa Inggeris pelajarnya dan menerima dahulu cadangan yang diberikan (tidak segera membetulkan ayat mereka) dan kemudiannya meminta pandangan keseluruhan pelajar untuk bersama-sama memperbaiki ayat-ayat tersebut. Pemerhatian ini menyerlahkan kearifan guru yang menyesuaikan kaedah pengajarannya dengan kemampuan pelajar, yang bukan sahaja memotivasikan pelajar untuk turut serta dalam proses PdP malah dapat mengasah kemahiran mereka.

Namun begitu memberi autonomi kepada pelajar bukanlah bermakna guru melepaskan tanggungjawab mereka sepenuhnya kepada pelajar. Guru ini sedar bahawa di dalam memberi tanggungjawab kepada pelajar, mereka masih sangat memerlukan bimbingan. Perkara ini turut disokong Kelly (2002) yang menyatakan perkongsian tanggungjawab bukan bermakna guru bersikap lepas tangan. Dapatan kajian menunjukkan guru membantu pelajar dengan memberikan penerangan tentang perkara yang perlu dilakukan, sumber yang boleh dirujuk dan kaedah yang boleh pelajar gunakan untuk membentangkan penemuan atau tugas mereka. Selain itu maklum balas guru atas tugas yang dilakukan pelajar juga dapat membantu pelajar memperbaiki lagi prestasi mereka seperti yang dinyatakan Rost (2006) dan Arbaa et al. (2010). Bimbingan serta maklum balas daripada guru ini sangat penting dalam membina keyakinan diri pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan akhirnya meningkatkan kemahiran abad ke-21 mereka.

Kesimpulannya, dengan mewujudkan bilik darjah demokratik guru telah berjaya membantu pelajar meningkatkan kemahiran abad ke-21 yang perlu mereka miliki. Menerusi amalan refleksi yang berterusan, guru telah menyesuaikan pengetahuan praktikalnya dengan kemampuan pelajar dan kecenderungan mereka bagi menghasilkan teknik-teknik yang telah dapat menggalakkan penglibatan pelajar.

MOTIVASI

Motivasi boleh dianggap perkara utama yang perlu dimiliki pelajar bagi memastikan pembelajaran dapat berlaku (Rost 2006; William & William 2011; Usher & Kober 2012). Hal ini kerana motivasi akan menggerakkan kesungguhan dan tindakan seseorang untuk melakukan sesuatu, sama ada perkara yang baik atau sebaliknya. Bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran abad ke-21 mereka, guru perlu mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti PdP secara aktif. Antara perkara yang boleh meningkatkan motivasi pelajar adalah dengan mewujudkan bilik darjah demokratik, yang keseluruhannya mengiktiraf kemampuan pelajar dan meningkatkan rasa kepunyaan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, kajian ini juga mendapati pemilihan bahan pengajaran serta wacana guru dalam bilik darjah sangat mempengaruhi motivasi pelajar.

Pemilihan Bahan

Dapatan kajian menunjukkan pemilihan bahan pengajaran yang autentik dan yang mempunyai kaitan dengan kehidupan sebenar pelajar, apatah lagi yang bersifat kontroversi, dilihat telah dapat menggalakkan pelajar mengasah kemahiran abad ke-21 mereka. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri pengajaran berpusatkan pelajar yang dinyatakan Yilmaz (2008) bahawa untuk menjadikan pembelajaran bermakna perlu kepada tugas yang autentik, iaitu aktiviti yang dipilih perlu disimulasikan agar menyamai seperti apa yang dihadapi dalam dunia yang sebenar. Bahan pengajaran autentik seperti petikan tayangan filem atau ceramah, sajak atau ayat al-Quran, yang digunakan guru dalam kajian ini telah berjaya merangsang pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti PdP dan sekaligus mengasah kemahiran mereka.

Lesser et al. (2013) menegaskan pemilihan bahan yang melibatkan data sebenar berbanding contoh yang diambil daripada buku teks untuk menggambarkan sesuatu konsep, lebih menyeronokkan dan seringkali dapat menarik perhatian pelajar. Hal ini dapat diperhatikan berlaku dalam bilik darjah peserta kajian contohnya apabila Puan Hani mengaitkan sajak dengan peristiwa sebenar yang berlaku di Afrika dan Australia misalnya, atau Puan Emi yang meminta pelajar mereka melakonkan sketsa bagi menggambarkan adab antara pelajar dengan guru. Kedua-dua contoh ini jelas menggambarkan bahawa apabila bahan pengajaran guru dikaitkan dengan sesuatu yang sememangnya boleh diperhatikan atau dirasai, ia meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam interaksi bilik darjah dengan lebih berkesan.

Pelajar akan terdorong untuk memberikan pandangan mereka apabila guru membincangkan isu kontekstual yang sangat relevan dengan kehidupan pelajar. William dan William (2011) menyatakan antara perkara yang boleh meningkatkan motivasi pelajar adalah dengan membincangkan kandungan pelajaran yang sangat relevan dengan mereka. Kenyataan ini juga selari dengan teori pembelajaran konstruktivis yang melihat pembelajaran sebagai satu proses aktif yang melibatkan interaksi sosial dan mengaitkan pelajar dengan konteks kehidupan sebenar (Ackerman et al. 2006; McComb 2003). Peserta kajian dilihat bijak menggunakan kearifan mereka untuk memilih isu perbincangan yang boleh menggalakkan interaksi antara pelajar seperti yang dinyatakan MacMath (2008) bahawa interaksi di dalam bilik darjah perlu menggambarkan perkongsian pengalaman dan mendengar antara satu sama lain sebagai sumber pembelajaran.

Selain isu kontekstual, guru turut menggalakkan penglibatan pelajar dalam memberi pendapat dengan mengenengahkan isu-isu semasa dan kontroversi. Perbincangan isu sebegini turut dicadangkan Deuchar (2009) dan MacMath (2008) yang menegaskan perbincangan ini akan membekalkan pelajar dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang sesuatu isu, mendidik pelajar untuk lebih menghormati pandangan

orang lain, lebih berkemahiran untuk menyampaikan hujah dan hasilnya keterlibatan pelajar dalam aktiviti PdP meningkat. Antara isu kontroversi yang dibincangkan guru dalam kajian ini adalah maruah remaja perempuan, poligami serta menghormati lambang negara. Perbincangan isu sebegini telah meningkatkan motivasi pelajar untuk bertanya, berdebat dan memberi pandangan dan ia secara langsung mengasah kemahiran mereka.

Wacana Motivasi yang Menyokong

Turner et al. (2002) menyatakan wacana pengajaran yang disasarkan kepada pembinaan kognitif pelajar sahaja belum mencukupi untuk meningkatkan keyakinan pelajar dalam pembelajaran, tetapi pelajar turut memerlukan sokongan afektif melalui interaksi dengan guru dan rakan sebaya. Kajian ini mendapati beberapa wacana motivasi menyokong yang digunakan guru telah memberi kesan yang besar kepada pelajar untuk terus mencuba melibatkan diri dalam aktiviti PdP. Antaranya seperti yang dituturkan Puan Hani bagi menggalakkan para pelajar mencuba, "*Nampak tak, ada idea tak? Cuba fikir, salah kita betulkan, kita berkongsi idea, salah kawan-kawan lain boleh betulkan. Apa yang boleh kita buat Amir? Cikgu tau Amir selalu ada idea sebab dia rajin membaca.*" (PK3, P5, m.s 7).

Galakan yang diucapkan Puan Hani ini telah berjaya mengurangkan kebimbangan pelajar untuk memberikan idea kerana Puan Hani menekankan perkara yang penting adalah berkongsi idea. Biarpun idea yang diberikan itu mungkin kurang tepat ianya dapat membuka ruang kepada perbincangan. Hal ini turut diakui Turner et al. (2003) dan Kelly (2002) yang menyatakan wacana guru yang meyakinkan pelajar bahawa bertanya soalan atau membuat kesilapan adalah sebahagian daripada pembelajaran, akan membolehkan pelajar menilai kompetensi mereka dalam pelajaran tersebut. Kaedah yang digunakan Puan Hani ini didorong oleh kearifannya tentang sikap dan sifat pelajar yang akan cepat hilang keyakinan sekiranya ditegur secara terbuka. Beliau lebih suka membuka perbincangan kepada pelajar lain sekiranya idea yang diberikan pelajar kurang tepat dan menegaskan, "*Kita tak kata, idea kamu ni salah, sebab macam tu satu dia akan memalukan pelajar, kedua pelajar tu akan hilang keyakinan*" (PK3, Tb, m.s 7, 14-17).

Secara keseluruhan, guru yang terlibat dalam kajian ini telah menggunakan pengetahuan praktikal mereka, iaitu memilih kaedah yang sesuai digunakan (what works) untuk menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti PdP mengikut kecenderungan dan kemampuan kognitif pelajar. Amalan refleksi yang dilakukan guru sama ada secara sedar atau tidak, terhadap kaedah pengajaran atau ke atas kemampuan dan kecenderungan pelajar, menjadikan mereka sedar kaedah yang sesuai untuk pelajar yang sedang mereka hadapi sekarang. Langkah sebegini mampu membina kearifan guru yang akhirnya memberi kesan positif terhadap kualiti pengajaran mereka.

KESIMPULAN

Kaedah pengajaran yang dipraktikkan peserta kajian berdasarkan model bersepadu ini terbukti mampu menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Pemilihan kaedah spesifik dalam setiap aspek ini sangat bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran berdasarkan kearifan mereka. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa kaedah spesifik seperti menggunakan pengaruh rakan sebaya, melibatkan pembelajaran menyeronokkan atau elemen pertandingan, membincangkan isu-isu kontekstual atau kontroversi, memberi kuasa kepada pelajar menyediakan soalan kuiz dan sebagainya adalah hasil kearifan peserta kajian ini. Pengetahuan praktikal yang pelbagai dan konteks bilik darjah yang berbeza mungkin akan menghasilkan kaedah pengajaran yang berbeza pula. Namun model ini dapat memberikan gambaran umum pendekatan yang harus dilaksanakan guru dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2012) yang menekankan konsep generalisasi analitik di mana sekiranya situasi dialami pembaca seakan-akan sama dengan situasi di mana kajian dijalankan, mereka boleh mengaitkan dapatan kajian tersebut dengan kedudukan dan konteks mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru sebagai golongan profesional merupakan mereka yang arif tentang persekitaran, konteks dan pelajar di mana mereka berada dan mampu memberikan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Tesis utama kajian ini dapat disimpulkan seperti apa yang dinyatakan oleh Gholami (2009) tentang kearifan profesional sebagai kemuliaan moral dan intelek yang berakar umbi dalam diri seorang insan untuk melakukan perkara yang betul di tempat yang betul pada masa yang betul dengan cara yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa guru harus sentiasa memperhalusi kearifan profesional mereka dengan melakukan refleksi yang berterusan, melakukan inkuiri yang sistematik terhadap pendekatan pengajarannya dan memahami persekitaran dan konteks *in situ* dalam amalan profesional mereka.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan FRGS 203/PGURU/6711249

RUJUKAN

- Ackerman, T., Heafner, T. & Bartz, D. 2006. Teacher effect model for impacting students achievement. Paper presented at The 2006 Annual Meeting of The American Educational Research Association San Francisco, California.
- ACT Inc. 2011. *A Better Measure of Skills Gaps*. Retrieved from: <http://www.act.org/research/policymakers/pdf/abettermeasure.pdf>.
- Ali, M.F., Salleh, N. & Junaidi, J. 2007. Mengkaji Hubungan di antara pembelajaran koperatif (kemahiran generik) dengan kemahiran menggunakan e-pembelajaran di kalangan pelajar yang mengambil subjek Telekomunikasi dan Rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor. Paper presented at the 1st International Malaysian Educational Technology Convention, Johor Bahru.
- Arbaa, R. 2015. Kearifan tempatan profesional guru dalam menerapkan kemahiran insaniah di dalam bilik darjah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Arbaa, R., Jamil, H. & A. Razak, N. 2010. Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.
- Awang Hamid, D.T., Omar, A.H. & Sariffudin, R.S. 2005. Aplikasi perisian NVIVO dalam analisis data kualitatif. Paper presented at the Qualitative Conference, Sofitel Resort Senai. <http://eprints.utm.my/2220on28/03/2012>.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2011. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan. Edisi Ketiga*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Balakrishnan, G. 2002. Penilaian pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam mata pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4: Satu kajian kes di daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basu, S.J. & Barton, A.C. 2010. A researcher-student-teacher model for democratic science pedagogy: connections to community, shared authority, and critical science agency. *Equity & Excellence in Education* 43(1): 72-87.
- Bertoncelj, A., Kovac, D. & Bertoncelj, R. 2009. Success factors and competencies in organisational evolution. *Kybernetes* 38(9): 1508-1517.
- Chou, C.H. 2008. Exploring elementary English teachers' practical knowledge: A case study of EFL teachers in Taiwan. *Asia Pacific Education Review* 9(4): 529-541.
- Cochran-Smith, M. & Lytle, S.L. 1999. Relationships of knowledge and practice: Teacher learning in communities. *Review of Research in Education* 24(1).
- Connelly, F.M., Clandinin, D.J. & He, M.F. 1997. Teachers' personal practical knowledge on the professional knowledge landscape. *Teaching and Teacher Education* 13(7): 665-674.
- Cooperstein, S.E. & Kocevar-Weidinger, E. 2004. Beyond active learning: A constructivist approach to learning. *Reference Services Review* 32(2): 141-148.
- Creswell, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Fourth Edition. Boston: Pearson.
- Critelli, A. & Tritapoe, B. 2010. Effective questioning techniques to increase class participation. *e-Journal of Student Research* 2(1).
- Davis, M.H. 2010. Practicing democracy in the NCLB elementary classroom. Master Science of Education, Dominican University of California.
- Deuchar, R. 2009. Seen and heard, and then not heard: Scottish pupils' experience of democratic educational practice during the transition from primary to secondary school. *Oxford Review of Education* 35(1): 23-40.

- Fenstermacher, G.D. 1994. The knower and the known: The nature of knowledge in research on teaching. In L. Darling-Hammond (Eds.), *Review of Research in Education* 20: 1-54.
- Gholami, K. 2009. Representing the epistemic nature of teachers' practical knowledge: The case of class teachers' general pedagogy. PhD, University of Helsinki.
- Guzman, C. 2009. Developing craft knowledge in teaching at university: how do beginning teachers learn to teach? *European Educational Research Journal* 8(2): 326-335.
- Hager, P., Holland, S. & Beckett, D. 2002. Enhancing the learning and employability of graduates: The role of generic skills. *Business/Higher Education Round Table*, 9.
- Hii, D.C. 2007. Soft skills essential for success in today's workplace. *The Star*.
- Hwa, Q.A. 2005. Learning for the workplace: A case study in graduate employees' generic competencies. *Journal of Workplace Learning* 17(4): 231-242.
- Johnson, D.W. & Johnson, R.T. 2009. An educational psychology success story: Social interdependence theory and cooperative learning. *Educational Researcher* 38(5): 365-379.
- Johnson, K.A. 2000. *The Peer Effect on Academic Achievement among Public Elementary School Students*. Washington: The Heritage Center for Data Analysis.
- Kember, D. 2009a. Promoting student-centred forms of learning across an entire university. *Higher Education* 58(1): 1-13.
- Kember, D. 2009b. Nurturing generic capabilities through a teaching and learning environment which provides practice in their use. *Higher Education* 57(1).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kesici, S. 2008. Teachers' opinions about building a democratic classroom. *Journal of Instructional Psychology* 35(2): 192-203.
- Lesser, L.M., Wall, A.A., Carver, R.H., Pearl, D.K., Martin, N. & Kuiper, S. 2013. Using fun in the statistics classroom: An exploratory study of college instructors' hesitations and motivations. *Journal of Statistics Education* 21(1).
- Lin, A.W.W., Akamatsu, N. & Riazi, M. 2005. Transnational TESOL professionals and teaching English for globalized communication (TEGCOM). In *Reclaiming the Local in Language Policy and Practice*, edited by S. Canagarajah. Mahwah, NJ: Routledge.
- Lincoln, Y.S. & Guba, E.G. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Newbury Park, CA: Sage Publications Inc.
- Liu, S. 2001. Teachers' knowledge: Review from comparative perspective. *New Horizons in Education* 58(1): 148-158.
- MacMath, S. 2008. Implementing a democratic pedagogy in the classroom: Putting Dewey into practice. *Canadian Journal for New Scholars in Education* 1(1): 1-12.
- Marshall, C. & Rossman, G. 2006. *Designing Qualitative Research*. California: Sage Publication Inc.
- Maxwell, J.A. 2005. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. 2nd Edition. California: Sage Publications.
- McCombs, B.L. 2003. Defining tools for teacher reflection: The assessment of learner-centered practices (ALCP). Paper presented at the Annual Meeting of the American Education Research Association, Chicago.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative Data Analysis an Expanded Sourcebook*. 2nd Edition. California: Sage Publications.
- Mohd Majzub, R. & Mohd Noor, A. 2001. Persepsi remaja terhadap masa hadapan. *Jurnal Pendidikan* 26(1): 37-52.
- Neergaard, H. & Olhoy, J.P. 2006. *Handbook of Qualitative Research Methods in Entrepreneurship*. Cheltenham, UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Partnership for 21st Century. www.p21.org/. Retrieved on 21/12/2011.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3rd Edition. California: Sage Publications.
- Price, C. 2008. The democratic classroom: Sharing power to improve learning and educate citizens. Conference Papers, American Political Science Association. *Teaching & Learning*: 1-29.
- Pukelis, K. & Pilecikiene, N. 2010. Improvement of generic skills development in study programmes of higher education: The graduates' viewpoint. *Quality of Higher Education* 7: 108-131.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, N. 2002. Using constructivist approach to teach higher-order thinking skills: transforming teaching practice to facilitate mindful learning. Paper presented at the 10th International Conference on Thinking, Harrogate, England.
- Rasul, M.S., Ismail, M.Y., Ismail, N., Rajuddin, R. & Rauf, R.A. 2009. Aspek kemahiran 'employability' yang dikehendaki majikan industri pembuatan masa kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 67-79.
- Rost, M. 2006. Generating student motivation. *Series Editor of World View*. Retrieved from http://www.longmanhomeusa.com/content/WorldView_Motivation.pdf on 24/06/2014.
- Rotherham, A.J. & Willingham, D.T. 2009. 21st century skills: The challenges ahead. *Educational Leadership* 67(1): 16-21.
- Schon, D. 1987. The crisis of professional knowledge and the pursuit of an epistemology of practice. In *Teaching and the Case Method, Instructional Guide*, edited by Bames, C., Christensen, R. & Hansen, A. California: Sage Publication.
- Schunk, D.H. 2008. *Learning Theories: An Education Perspective*. 5th Edition. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Silverman, D. 2010. *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London: Sage Publications.
- Tewari, R. 2010. Training students in soft skills for the liberalization, privatization and globalization. *ELTWeekly*, 68. Retrieved from www.eltweekly.com/elt.../68 on 16/01/2012.
- Tofade, T., Elsner, J. & Haines, S.T. 2013. Best practice strategies for effective use of questions as a teaching tool. *American Journal of Pharmaceutical Education* 77(7): 1-9.
- Turner, J.C., Midgley, C., Meyer, D.K., Gheen, M., Anderman, E.M., Kang, Y. & Patrick, H. 2002. The classroom environment and students' reports of avoidance strategies in mathematics: A multimethod study. *Journal of Educational Psychology* 94(1): 88-106.
- Usher, A. & Kober, N. 2012. *Student Motivation: An Overlooked Piece of School Reform*. Washington: Center on Education Policy, The George Washington University.

- Walker, N.T., Wimmer, J. & Bean, T. 2009. Multiple texts, teacher craft knowledge, and principled practices in high school economics: A case study of Kenneth. *Social Studies Research and Practice* 4(3): 28-35.
- Wats, M. & Wats, R.K. 2009. Developing soft skills in students. *International Journal of Learning* 15 (12).
- Williams, K.C. & Williams, C.C. 2011. Five key ingredients for improving student motivation. *Research in Higher Education Journal* 12.
- Yilmaz, K. 2008. Social studies teachers' views of learner-centered instruction. *European Journal of Teacher Education* 31(1): 35-53.
- Yusoff, I., Ismail, R. & Sidin, R. 2008. Graduan dan alam pekerjaan: Kes siswazah UKM. *Akademika* 72 (Januari): 3-24.
- Zakaria, E. & Iksan, Z. 2006. Promoting cooperative learning in science and mathematics education: A Malaysian perspective. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education* 3(1): 35-39.

Rohani Arbaa*

Kolej Tingkatan Enam Kulim
09400 Padang Serai, Kedah Darul Aman
Tel. bimbit: 019 5710074; Tel. pejabat: 04-4855370;
Faks: 04-4855372

Pengarang untuk surat-menyurat, e-mel: aniarbaa@yahoo.com

Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

Diserahkan: 21 Oktober 2016
Diterima: 31 Januari 2017

